



**MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
KENYATAAN TAWARAN**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)** dan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** mengikut kelas pendaftaran sebagaimana disyaratkan di dalam tawaran yang masih sah tempohnya dan layak untuk menyertai kerja-kerja yang ditawarkan sebagaimana berikut:-

SEBAGAIMANA LAMPIRAN A1

2. Naskah Meja Tawaran akan dipamerkan mulai **9 November 2016** sehingga **16 November 2016** semasa waktu pejabat di Jabatan Bangunan Dan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Jalan Pejabat, Batu Pahat.
3. Dokumen sebutharga akan dijual mulai daripada **9 November 2016** sehingga **15 November 2016** dari **8.30 PAGI** hingga **4.30 PETANG** (semasa waktu pejabat) di Jabatan Bangunan Dan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Jalan Pejabat, Batu Pahat dengan mengemukakan bayaran berupa Tunai / Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Draf bagi setiap set Dokumen Tawaran atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Batu Pahat sebagai bayaran Dokumen Sebutharga.
4. Hanya **SEORANG** Penyebutharga / Wakil Penyebutharga sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga . Hanya **PEMILIK ASAL** sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Penyebutharga juga boleh **MEWAKILKAN** pembelian dokumen sebutharga ini kepada wakilnya yang sah (Definisi wakilnya yang sah ialah kakitangan syarikat yang membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA** daripada Syarikat berkenaan) Untuk maksud ini Penyebutharga / Wakil Penyebutharga di kehendaki membawa perakuan **PENDAFTARAN ASAL** **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)**, **TARAF BUMIPUTERA** dan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** . Hanya Penyebutharga / wakil Penyebutharga yang mengikut syarat di atas sahaja di benarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga.
5. Semua Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Bangunan Dan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Batu Pahat sebelum jam **12.00 tengahari** pada **16 November 2016**.
6. Majlis Perbandaran Batu Pahat tidak terikat samada menerima sebutharga terendah harganya atau sebarang tawaran.
7. Tawaran iklan ini dipamerkan di dalam Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran Batu Pahat **[http:// www.mbbp.gov.my](http://www.mbbp.gov.my)**.

(**HJ RAMLI BIN ABDUL RAHMAN**)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Batu Pahat